



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**21 MAC 2022 (ISNIN)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**21 MAC 2022 (ISNIN)**

## RM31.6 juta nilai rampasan seleweng barang subsidi

**PUTRAJAYA:** Sejumlah RM31.6 juta nilai rampasan berjaya diperoleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melibatkan kes penyelewengan bahan api petrol, diesel dan minyak masak bersubsidi sepanjang tempoh lima tahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, jumlah itu membabitkan nilai RM2.18 juta bagi bahan api petrol, manakala diesel pula sebanyak RM13.85 juta dan minyak masak subsidi berjumlah RM15.57 juta sejak 2018 hingga 2021.

Beliau berkata, nilai sitaan atau rampasan itu adalah menerusi sejumlah 1,148 kes yang dihasilkan membabitkan sebanyak 351 kes penyelewengan bahan api petrol, diesel pula (396 kes) dan minyak masak (401 kes).

"Sudah tentu subsidi yang diperuntukkan kerajaan saban tahun sekiranya diseleweng mendatangkan kesan buruk kepada Keluarga Malaysias dan negara.

"Sekiranya penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi ini gagal dibendung, rakyat yang sepatutnya menikmati subsidi tidak dapat menikmati sepenuhnya, sebaliknya memberikan keuntungan berlipat kali ganda kepada penjenayah yang melakukan kegiatan haram ini, malah rakyat asing pula yang lebih menerima manfaat subsidi," katanya di sini semalam.

Pada masa sama, Alexander berkata, sekiranya penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi ini tidak dikawal dengan tegas, ia akan menyebabkan bekalan terganggu.

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM7.99	Telur Gred A	RM12.30	Gula Pasir	RM2.85	Cili Merah	RM13.99
Daging Lembu Tempatan	RM40	Ikan Kembung	RM12.99	Bawang Besar Holland	RM2.49	Kubis Bulat Tempatan	RM2.49
Daging Lembu Import	RM28	Minyak Masak	RM6.55	Bawang Putih	RM5.50	Tepung Gandum	RM2.25

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP

HARI : ISNIN

TARIKH : 21/3/2022

M/SURAT : 16